

Newspaper	The Malaysian Insider
Date	24 February 2016

Polis rakam kenyataan Dr Mahathir hari ini kerana kritik Apandi

The Malaysian Insider – 24 Feb 2016



Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan merakamkan percakapan Tun Dr Mahathir Mohamad susulan kenyataan yang dikeluarkannya di laman blog miliknya sebelum ini mempersoalkan kredibiliti Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali, kata Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Ketua polis negara itu berkata, PDRM terpaksa menjalankan tugas mereka merakamkan percakapan bekas perdana menteri itu susulan terdapat beberapa laporan polis yang diterima mereka berhubung artikel

tersebut.

“Kita merakam percakapan beliau berkenaan dengan apa beliau tulis dalam blognya. Kami menerima beberapa laporan. Polis terpaksa jalankan siasatan.

“Kita akan merakamkan percakapan hari ini, diaturkan di satu tempat. Hari ini, bukan di Bukit Aman,” katanya di Kuala Lumpur hari ini.

Ketika ditanya lokasi sesi rakaman tersebut, Khalid berkata: “Saya rasa sedang berlangsung sekarang.”

Ketika ditanya sama ada sesi rakaman percakapan itu berlangsung di pejabat Dr Mahathir di Yayasan Kepimpinan Perdana, di Putrajaya, Khalid berkata: “Mungkin. Saya rasa ya.”

Sumber: www.themalaysianinsider.com